

18/03/1997

Rakyat perlu yakin mutu produk tempatan

KUANTAN, Isnin - Rakyat negara ini harus mempunyai lebih keyakinan kepada diri dan kemampuan industri tempatan menghasilkan barangan yang setanding dengan produk import, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, mereka harus mengikis tanggapan kononnya barangan keluaran negara, khususnya produk elektrik, tidak diterima orang luar jika menggunakan jenama Malaysia.

"Sebenarnya barangan buatan kita mempunyai kualiti yang sama dengan barangan import. Ini diiktiraf oleh pembeli luar kerana mereka sanggup membeli barangan berjenama asing yang dibuat di negara ini," katanya sambil meminta usahawan menyertai industri pembuatan barangan canggih seperti dilakukan oleh Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC).

Berucap merasmikan MEC dan Bandar MEC di Gambang, kira-kira 25 kilometer dari sini hari ini, Dr Mahathir berkata sehingga kini barangan elektrik yang digunakan di Malaysia diimport atau mempunyai jenama bukan Malaysia walaupun dibuat atau dipasang di negara ini.

Rakyat tempatan tidak begitu sanggup menerima barangan elektrik dan elektronik buatan Malaysia kerana percayai kilang tempatan tidak mampu mengeluarkan barangan bermutu walaupun kebanyakan barangan elektrik berjenama asing dibuat di Malaysia oleh syarikat kepunyaan Malaysia, secara kontrak.

(END)